

## Agong dan Permaisuri ucapan takziah, nasihat pemandu berhati-hati

Oleh Ercy Gracella Ajos - Mei 13, 2022 @ 7:21pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menzahirkan ucapan takziah kepada seluruh keluarga lima penuntut Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) yang maut dalam naas di Kilometer (KM) 246 Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) arah utara di Ipoh tengah malam kelmarin.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin berkata Seri Paduka menzahirkan rasa duka cita dengan berita pemergian Muhammad Nasrun Aidol Munir Akbar, 22; Ahmad Naim Najmi Ahmad Hafizan, 21; Muhammad Nabil Haikal Muhammad Fariz, 19; Ahmad Akmal Ahmad Mokhlis, 20; dan Iqbal Hasnun Halimi, 23, ke Rahmatullah dalam naas itu.

"Seri Paduka turut menzahirkan harapan agar seluruh keluarga Allahyarham-Allahyarham terbabit sabar dan tabah menghadapi dugaan serta suasana sedih dan pilu ini.

Seri Paduka mendoakan agar roh-roh Allahyarham dicucuri rahmat Allah SWT dan ditempatkan bersama roh orang yang beriman dan beramal soleh, katanya.



"Orang ramai dinasihati agar mengambil iktibar daripada kejadian naas itu dengan memastikan kesiapsiagaan kenderaan masing-masing disamping peka dan berwaspada di jalan dan lebuh raya, khususnya di musim perayaan ini.

"Kemalangan yang meragut nyawa seperti ini sewajarnya dijadikan sebagai peringatan kepada semua pengguna jalan dan lebuh raya untuk mematuhi undang-undang dan tidak cuai ketika memandu demi keselamatan orang lain," titah baginda.

Dalam kenyataan itu juga, Seri Paduka Baginda mahu pihak berkuasa dan syarikat memperketatkan proses pemantauan dan pengambilan pemandu komersial bagi memastikan mereka tidak bermasalah dan penyelenggaraan kenderaan sentiasa dalam keadaan baik.